



KELANTAN UTILITIES MUBAARAKAN HOLDINGS SDN. BHD.

(Syarikat Berhad Menurut Syer)

RUMUSAN AUDIT

Objektif penubuhan KUMHSB belum dicapai sepenuhnya. Bilangan tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan adalah tiga berbanding jumlah keseluruhan sembilan, manakala kelewatan Projek Solar Terapung Danau Tok Uban telah menjejaskan sasaran pendapatan KUMHSB.



Objektif Penubuhan
Belum Dicapai
Sepenuhnya



Tadbir Urus Korporat
Memuaskan



Kedudukan Kewangan
Stabil

PENCAPAIAN OUTPUT



Pencapaian KPI

- 77.8% (2021)
- 83.3% (2022)
- 2020 tidak dapat dinilai



Hanya **3** daripada **9** tapak pelupusan sisa pepejal diuruskan



RM609,505

keuntungan terkumpul tahun 2022



RM2.95 Juta

hasil dividen daripada subsidiari

PENCAPAIAN KEBERHASILAN




KUMHSB **telah melaksanakan peranan** sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dengan menarik pelabur bagi membangunkan Projek Solar Terapung tetapi **kelewatan projek** telah **menjejaskan sasaran pendapatan** KUMHSB

PENGURUSAN AKTIVITI



Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

- SOP Operasi & SOP Keselamatan** tidak dipatuhi sepenuhnya



Projek Solar Terapung Danau Tok Uban

- RM96,000** fi pentadbiran belum diterima kerana perjanjian belum ditandatangani
- RM32,977** wang sumbangan CSR yang digunakan tidak dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah

TADBIR URUS KORPORAT

5 daripada **8** aspek tidak diamalkan sepenuhnya



Lembaga Pengarah

Semua berstatus tidak bebas



Setiausaha Syarikat

Tidak menasihati Lembaga Pengarah



Petunjuk Prestasi Utama

Tidak disediakan (2020) dan tiada pemantauan (2021 & 2022)



Jawatankuasa Audit

Tidak ditubuhkan



Audit Dalam

Tidak diwujudkan tetapi dilaksanakan di peringkat induk

5

SYOR AUDIT